

14/01/2003

Dr M dedah ancaman firma asing

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan syarikat gergasi dan bank asing milik negara kaya, akan mengulangi sejarah Syarikat Hindia Timur (East India Company) yang ditubuhkan penjajah untuk berniaga, tetapi akhirnya menakluki rantau ini.

Perdana Menteri berkata, daripada berdagang semata-mata, pihak berkenaan boleh bertindak menguasai kerajaan di negara yang menerima kemasukan mereka tanpa kawalan.

"Akhirnya, ia tidak banyak berbeza daripada penjajahan mengikut cara perdagangan syarikat Eropah pada masa lalu. Kemudian, perjuangan untuk kemerdekaan akan bermula sekali lagi dan mungkin tercetus rusuhan dan siri baru peperangan.

"Mungkin gambaran ini terlalu pesimis untuk masa depan. Tetapi tiada apa yang berlaku hari ini atau selepas dua Perang Dunia, yang boleh menjamin ia tidak akan berulang," katanya merasmikan mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) di sini, semalam.

APPF adalah forum bukan eksklusif Ahli Parlimen yang ditubuhkan pada 1991 oleh bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

Dr Mahathir berkata, India, Burma (kini Myanmar) dan Malaysia akhirnya dijajah empayar British, manakala gugusan kepulauan Melayu ditakluki Belanda, yang dimulakan melalui perniagaan oleh syarikat dari Barat itu.

Katanya, memang benar globalisasi bermaksud perdagangan bebas, pembukaan sempadan dan kemasukan percuma.

Ini bermakna negara di dunia tidak harus melindungi bank dan syarikat mereka menerusi undang-undang diskriminasi. Malah, syarikat asing dikatakan perlu diberi status kebangsaan, iaitu tidak harus ada perbezaan di segi layanan terhadap perniagaan tempatan dan asing.

Beliau berkata, tindakan itu kononnya akan memberi faedah kepada negara membangun serta pengguna dan akhirnya akan memperoleh perkhidmatan serta produk terbaik pada harga terendah.

"Tetapi jika perbadanan besar asing beroperasi secara bebas dalam sebuah negara, apakah ia tidak membunuh syarikat tempatan? Apakah mereka tidak menjadi begitu berkuasa yang akan mempengaruhi masyarakat setempat dan politik tempatan? Apakah mereka tidak menguasai kerajaan?" katanya.

Dr Mahathir berkata, Eropah sudah bersatu melalui Kesatuan Eropah dan Amerika Utara terus maju tetapi negara membangun terus membangun.

Namun, katanya, beberapa negara Asia Timur berjaya untuk maju tetapi secara tiba-tiba mata wangnya diserang menyebabkan ekonomi negara itu kembali seperti dua dekad lalu.

Beliau berkata, hampir semua negara membangun berhutang kepada negara kaya sama ada secara langsung atau menerusi agensi mereka dan terpaksa meletakkan diri mereka di bawah arahan negara kuasa besar.

Katanya, walaupun mereka cuba untuk mematuhi apa yang dikehendaki negara kaya, mereka tidak berupaya untuk membayar hutang.

"Ini bermakna, ekonomi mereka tertakluk kepada arahan negara pembiaya, mereka menjadi hamba hutang, kehilangan hak untuk mentadbir dan menguruskan ekonomi mereka.

"Yang lebih malang ialah nasihat yang diperoleh dari negara kreditor dan agensinya, menyebabkan mereka kekal miskin, tidak berupaya membayar balik hutang," katanya.

Dr Mahathir berkata, perlu diingat bahawa negara maju pernah menjadi negara miskin dan mundur seperti negara membangun sekarang.

Katanya, mereka maju dengan tidak membuat apa yang mereka nasihat kepada negara membangun mengenai pembukaan sempadan.